



## Penjimatan kerajaan tidak jejas keselamatan negara

Oleh Fahmy A Rosli - Julai 19, 2022 @ 11:46am  
[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan penyusunan semula peruntukan dilakukan kerajaan bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya lima peratus penjimatan tidak akan menjelaskan perancangan berkaitan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata hal ehwal keselamatan negara sentiasa menjadi fokus utama kerajaan.

Justeru, perincian mengenai langkah penjimatan seperti diumumkan kerajaan akan diperjelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam satu kenyataan.

"(Penjimatan) Itu dari segi pembangunan. Projek pembangunan yang belum dilaksanakan dalam perancangan. Perinciannya akan diumumkan Mustapa.

"Tak terjejas. Keselamatan jadi keutamaan (kerajaan).

"Mustapa akan jelaskan perinciannya. Saya tak nak jelaskan apa yang Mustapa nak cakap. Mustapa akan buat kenyataan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Keselamatan Negara 2022 di sini, hari ini.

Jumaat lalu, semua kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun persekutuan dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) diarah melaksanakan langkah penjimatan dalaman dengan mengoptimumkan perbelanjaan, bagi membolehkan penjimatan itu disalurkan untuk kesejahteraan rakyat.

Arahan itu dikeluarkan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia bertajuk 'Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam', ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Seri Asri Hamidon.

Menurut pekeliling itu, semua kementerian, jabatan, agensi dan badan berkanun persekutuan serta CLBG hendaklah menyusun semula program/aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan tanpa menjelaskan program dan aktiviti yang memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat.

Perbelanjaan mengurus semua entiti itu juga dikehendaki melaksanakan penjimatan untuk menentukan semua perbelanjaan adalah selaras dengan prinsip dan peraturan ditetapkan bagi pengurusan kewangan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.



Ismail Sabri merasmikan Persidangan Keselamatan Negara 2022 di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah